Thamowtharan a/l Narayanasamy lwn Ketua Polis Negeri Perak dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — GUAMAN SIVIL NO 22–300 TAHUN 2003
HASSAN AB RAHMAN PK
20 JUN 2011

Kakitangan Awam — Pemecatan — Penamatan perkhidmatan — Skim Perkhidmatan Konstabel Tambahan — Akta Polis 1967 s 8(3) — Sama ada penamatan sah — Sama ada s 8(3) Akta hanya terpakai kepada Pegawai Polis Tambahan berjawatan sementara — Status jawatan konstabel tambahan dalam Skim Perkhidmatan Konstabel Tambahan — Kesan klausa-klausa surat tawaran pelantikan jawatan tetap dari sudut perkara 132 dan 135(2) Perlembagaan Persekutuan — Sama ada surat penamatan perkhidmatan wajar dan berkesan

Plaintif telah dilantik sebagai konstabel tambahan dengan Pasukan Polis DiRaja Malaysia ('PDRM'), suatu jawatan yang diwujudkan di bawah s 8 Akta Polis 1967 ('Akta'). Walaupun Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia ('JPA') telah meluluskan satu skim perkhidmatan yang dinamakan Skim Perkhidmatan Konstabel Tambahan, namun pangkat polis tambahan tidak tersenarai dalam Jadual Pertama s 5(2) Akta. Plaintif, seorang konstabel tambahan polis telah menerima sebulan notis daripada defendan pertama untuk menamatkan perkhidmatannya mengikut di bawah s 8(3) Akta. Plaintif menghujahkan bahawa penamatan tersebut tidak sah dan batal kerana s 8(3) Akta hanya terpakai kepada Pegawai Polis Tambahan bertaraf jawatan sementara yang belum ditetapkan dalam jawatan dan oleh itu, tidak terpakai ke atasnya. Menurutnya lagi, terma-terma surat tawaran jawatan tetapnya yang telah pun disahkan, dengan jelas menyatakan sekiranya dia menerima jawatan tetap tersebut khidmatnya tidak lagi bergantung pada s 8(3) Akta. Isu-isu yang timbul di hadapan mahkamah adalah status jawatan konstabel tambahan dalam Skim Perkhidmatan Konstabel Tambahan dari sudut s 8 Akta dan perkara 132 Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan'); kesan klausa-klausa dalam surat tawaran pelantikan jawatan tetap ('P2') dalam menentukan status perjawatan, perkhidmatan dan penamatan perkhidmatan plaintif dari sudut perkara 132 dan 135(2) Perlembagaan dan sama ada surat penamatan perkhidmatan plaintif adalah wajar dan berkesan.

Diputuskan, menolak permohonan dengan kos:

(1) Status jawatan tetap yang ditawarkan dan diterima oleh plaintif bercanggah dengan s 8 Akta dan jawatan tersebut tidak termasuk di bawah senarai perkhidmatan di bawah perkara 132 Perlembagaan.

Jawatan konstabel tambahan melibatkan pelaksanaan kuasa-kuasa tertentu yang hanya bersandarkan Akta. Untuk mengiktiraf plaintif sebagai pengkhidmat awam di bawah perkara 132 Perlembagaan, jawatan tersebut hendaklah diperuntukkan di bawah Akta, yang merupakan perkhidmatan yang diiktiraf oleh Perlembagaan di bawah perkara 132(1)(d). Skim Perkhidmatan Polis Tambahan JPA merupakan satu skim yang tidak berlandaskan mana-mana undang-undang dan tidak sah, batal dan tidak berkuat kuasa kerana bercanggah dengan s 8 Akta yang masih berkuat kuasa yang menetapkan bahawa jawatan Polis Tambahan adalah jawatan sementara. Penamatan perkhidmatan plaintif memenuhi syarat s 8(3) Akta dan adalah sah dan berkuat kuasa (lihat perenggan 17–21).

(2) Apabila defendan-defendan memilih untuk menamatkan perkhidmatan plaintif, penamatan tersebut tidak boleh disifatkan sebagai pembuangan kerja dan oleh itu perkara 135(2) Perlembagaan tidak terpakai kepada plaintif. Tanpa sebarang perubahan undang-undang untuk menukar syarat-syarat perkhidmatan plaintif dalam aspek penamatan perkhidmatan, syarat-syarat penamatan konstabel tambahan di bawah s 8(3) Akta masih terpakai. Klausa-klausa surat tawaran pelantikan tetap dalam P2 tiada mempunyai apa-apa kesan di sisi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan (lihat perenggan 25, 27–28).

(3) Deklarasi merupakan sesuatu yang sentiasa terletak kepada budi bicara mahkamah namun budi bicara tersebut hendaklah dilaksanakan *judiciously and reasonably*. Memandangkan fakta-fakta dan kedudukan perundangan adalah jelas bahawa jawatan baru yang telah ditawarkan dan diterima oleh plaintif bercanggah dengan undang-undang, mahkamah melaksanakan budi bicaranya dalam mengeluarkan perintah deklarasi seperti yang dipohon (lihat perenggan 30–31).

[English summary

The plaintiff had been appointed as extra constable with the Malaysian Royal Police Team (PDRM), a position created under s 8 of the Police Act 1967 ('the Act'). Although the Malaysian Public Service Department ('PSD') had approved a service scheme which was called Extra Constable Service Scheme, however, the position of the extra police was not listed in the First Schedule of s 5(2) of the Act. The plaintiff, an extra constable had received a month notice from the first defendant for the termination of his service under s 8(3) of the Act. The plaintiff contended that the termination was null and void as s 8(3) of the Act was only applicable to Extra Police Officer of temporary ranking which was not confirmed in the position and therefore, was not applicable to him. According to him further, the terms of the letter of offer to permanent position which had been affirmed, had clearly stated that if he had accepted the permanent position his service was not dependent on s 8(3) any longer. The issues that arose before the court was the status of extra constable in the Extra

Constable Service Scheme from the point of view of s 8 of the Act and art 132 of the Federal ('Constitution'); the effect of the clauses in the letter of offer for the appointment to permanent position ('P2') in determining the status of the position, service and termination of the plaintiff's service from the point of view of arts 132 and 135(2) of the Constitution; and whether the letter of termination of service was appropriate and effective.

Held, dismissing the application with costs:

(1) The status of the permanent position offered and accepted by the plaintiff was contrary to s 8 of the Act and the position was not included under the list of service under art 132 of the Constitution. The position of extra constable involved the exercise of certain powers which was based only on the Act. To recognise the plaintiff as a public servant under art 132 of the Constitution, the position must have been provided for under the Act which was a service that was recognised by the Constitution under art 132(1)(d). The PSD Extra Police Service Scheme was a scheme which was not based on any law and was null and void and ineffective for contradicting with s 8 of the Act which was effective in determining that the position of the Extra Police was a temporary position. The termination of the plaintiff's service fulfilled the condition under s 8(3) of the Act and it was valid and effective (see paras 17–21).

(2) When the defendants chose to terminate the plaintiff's service, the termination could not be considered as dismissal and therefore art 135(2) of the Constitution was not applicable to the plaintiff. Without any changes to the law to change the plaintiff's service conditions in the aspect termination of service, the condition for the termination of extra constable under s 8(3) of the Act was still applicable. The clauses of the letter of offer to the permanent position in P2 had no effect in law and was not enforceable (see paras 25, 27–28).

(3) A declaration was something which was always on the court's discretion but the discretion must be exercised judiciously and reasonably. In view of the facts and the position of law, it was clear that the new position which was offered and accepted by the plaintiff was contrary to the law, the court exercised its discretion in issuing the declaratory order as prayed (see paras 30–31).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penamatan perkhidmatan, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 2127–2135.

Kes-kes yang dirujuk

Government of Malaysia v Lionel [1974] 1 MLJ 3, PC (dirujuk)

A *Mamat bin Talib (Timbalan Ketua Polis, Johor) & Anor v Abdul Jalil bin Rashid* [2006] 2 MLJ 108; [2005] 4 CLJ 892, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 s 2

B Akta Polis 1967 ss 3(3), (4), 5(2), 8, 8(1), (2), (3), 9(1), Jadual Pertama Perlembagaan Persekutuan perkara 132, 132(1)(d), 135(2),

(Bachan & Kartar) bagi pihak perayu.
(Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

C **Hassan Ab Rahman PK:**

LATAR BELAKANG KES

[1] Dalam kes ini plaintif sebagai seorang konstabel tambahan polis telah
D menerima sebulan notis melalui surat dari defendan pertama bertarikh 7 Julai 2003 menamatkan perkhidmatannya berkuat kuasa pada 1 Oktober 2003. Defendan pertama menyatakan dalam surat tersebut bahawa notis itu diberikan mengikut kuasa yang diberikan kepada ketua polis di bawah s 8(3) Akta Polis 1967 ('Akta').

E **[2]** Plaintif mendakwa bahawa penamatan khidmatnya adalah tidak sah dan batal kerana:

(a) Seksyen 8(3) Akta yang menjadi asas penamatan perkhidmatannya oleh defendan kedua tidak terpakai terhadapnya. Beliau mendakwa s 8(3)
F Akta hanya terpakai untuk pegawai polis tambahan bertaraf jawatan sementara yang belum ditetapkan dalam jawatan;

(b) mengikutnya terma-terma surat tawaran jawatan tetapnya yang telah pun disahkan, dengan jelas menyatakan sekiranya beliau menerima jawatan tetap tersebut khidmat beliau tidak lagi bergantung pada s 8(3)
G Akta Polis; dan

(c) oleh kerana beranggapan penamatan khidmatnya yang dibuat tanpa mengikut prosedur yang sepatutnya ke atas seorang berjawatan tetap plaintif menuntut supaya mahkamah membuat deklarasi bahawa arahan penamatan khidmatnya itu batal, tidak sah tidak berkesan dan deklarasi
H bahawa beliau masih lagi berkhidmat sebagai konstabel tambahan polis sejak tahun 1980 dan seterusnya menuntut ganti rugi (termasuk ganti rugi penganiayaan) kerana malu, jatuh maruah, kecederaan mental, ganti rugi teruk dan tauladan, faedah serta kos.

I **[3]** Defendan-defendan sebaliknya menyatakan bahawa penamatan perkhidmatan plaintif itu adalah sah dan mengikut undang-undang kerana:

(a) perkhidmatan plaintif dari mula sampai ke penamatannya adalah sebagai konstabel tambahan yang bertaraf sementara dari sebulan ke sebulan mengikut peruntukan s 8(2) Akta;

(b) penerimaan tawaran ke jawatan tetap oleh plaintif adalah bercanggah dengan peruntukan s 8 Akta tersebut, malah terma-terma dalam surat tawaran jawatan tetap kepada plaintif itu tidak mengecualikan plaintif dari pemakaian s 8 terhadapnya termasuk juga prosedur penamatan perkhidmatannya; dan

(c) penamatan perkhidmatan plaintif adalah berjustifikasi kerana dibuat atas sebab rekod perkhidmatanya tidak memuaskan kerana telah beberapa kali melanggar peraturan-peraturan penjawat awam.
Dengan itu rasa malu dan tekanan perasaan yang dialami plaintif tidak patut dipampaskan dengan ganti rugi.

FAKTA YANG TERBUKTI

[4] Perbicaraan dalam kes ini banyak melibatkan pengemukaan dokumen yang terkandung dalam ikatan-ikatan dokumen yang dipersetujui iaitu ikatan dokumen-dokumen yang dipersetujui (ikatan 'B'), ikatan dokumen-dokumen dipersetujui tambahan (ikatan 'D') dan fakta-fakta yang dipersetujui dan dokumen-dokumen yang dikemukakan sebagai P2, P3, P4 dan P5 yang semuanya terkandung dalam ikatan dokumen-dokumen yang tidak dipersetujui (ikatan 'C'). Keterangan lisan hanyalah keterangan plaintif sendiri ('SP1') melalui pernyataan saksinya ('P1').

[5] Fakta menunjukkan plaintif telah dilantik untuk berkhidmat dengan Pasukan Polis Di Raja Malaysia ('PDRM') sebagai konstabel tambahan (*extra police officer*) sejak 17 Ogos 1980. Jawatan tersebut adalah suatu jawatan yang diwujudkan di bawah s 8 Akta dengan syarat-syarat am perkhidmatan seperti yang diperuntukkan secara ringkas di bawah seksyen yang sama.

[6] Seksyen 8(1), (2) dan (3) Akta Polis adalah yang secara ringkasnya memperakukan tentang taraf dan syarat am perkhidmatan iaitu seperti berikut:

Extra Police Officers:

(1) A Commissioner or Chief Police Officer may, with the approval of the Inspector-General, employ persons to serve temporarily as extra police officers of or below the rank of Sergeant Major.

(2) An extra police officer shall be deemed to be under engagement to serve from month to month, every such engagement being held to commence on the first and to be terminable on the last day of each successive month.

(3) An extra police officer may be discharged or may resign on being given or giving, by or to the Commissioner or Chief Police Officer one month's notice in writing.

[7] Hingga ke hari ini peruntukan ini tidak pernah dipinda. Walaupun

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia ('JPA'), telah meluluskan satu skim perkhidmatan yang dinamakan Skim Perkhidmatan Konstabel Tambahan, namun dalam Jadual Pertama s 5(2) Akta Polis yang menyenaraikan pangkat pegawai polis, tidak terdapat pangkat polis tambahan. Yang tersenarai hanyalah konstabel.

[8] Berdasarkan s 8(1), (2) Akta, jawatan polis tambahan adalah berstatus sementara dari sebulan ke sebulan, tetapi Skim Perkhidmatan Polis Tambahan sebagai skim yang baru diperkenal oleh JPA membolehkan konstabel tambahan ini disahkan dalam jawatan dan diberikan taraf berpencen. JPA mengeluarkan surat pemakluman yang menyatakan bahawa skim perkhidmatan *ad hoc* yang digunakan bagi perkhidmatan polis tambahan sementara sebelumnya adalah dibatalkan.

[9] Berikutan dari itu pada 10 Januari 1990 plaintif telah ditawarkan jawatan konstabel tambahan polis yang bertaraf tetap yang telah pun diterima oleh plaintif di mana jawatan ini merupakan jawatan baru menggantikan jawatan polis tambahan yang telah disandangnya sebelum itu.

[10] Surat Tawaran Pelantikan Ke Jawatan Tetap (P2) kepada plaintif dengan jelas menyatakan bahawa sekiranya beliau tidak menerima tawaran tersebut perkhidmatannya sebagai konstabel tambahan akan diteruskan dengan taraf sementara mengikut s 8 Akta (kl 5 P2).

[11] Surat P2 ini ternyata memberikan kepastian kepada plaintif bahawa beliau tidak terikat dengan peruntukan s 8 Akta lagi jika menerimanya.

[12] Selain itu, terma dalam P2 juga menjelaskan bahawa beliau tertakluk kepada Akta Polis, Perintah-Perintah Am Kerajaan, dsb, tertakluk kepada surat-surat Skim Perkhidmatan Pegawai Bantuan Polis dan Konstabel Tambahan serta surat-surat pekeliling perkhidmatan berkaitan dengan syarat-syarat perlantikan pegawai-pegawai awam termasuk penamatan kerja dan notis berhenti kerja serta kelakuan dan tatatertib pegawai. (Klausa 3.8–3.9 P2).

[13] Namun terma-terma tersebut tidak bersandarkan kepada mana-mana peruntukan sedia ada dalam Akta.

[14] Fakta yang terbukti seperti di atas menimbulkan isu-isu lain yang perlu mahkamah selesaikan bagi menimbangkan relief-relief yang dituntut oleh plaintif berikutan dakwaanya bahawa penamatan perkhidmatannya dengan memberi satu bulan notis adalah tidak sah dan beliau memohon perintah deklarasi, pengekalan statusnya sebagai polis tambahan tetap dan ganti rugi.

[15] Sehubungan itu mahkamah mengarahkan peguam kedua-dua pihak berhujah mengenai isu-isu yang mahkamah sendiri timbulkan sebelum membuat keputusan iaitu seperti berikut: A

(a) apakah status jawatan konstabel tambahan dalam Skim Perkhidmatan Konstabel Tambahan yang telah diluluskan oleh JPA dan ditawarkan oleh Ketua Polis Negara kepada plaintif dipandang dari sudut s 8 Akta Polis dan perkara 132 Perlembagaan Persekutuan?; B

(b) apakah kesan kll 3.8–3.9 dan lima surat Tawaran Pelantikan Jawatan Tetap tersebut (P2) dalam menentukan status perjawatan, perkhidmatan dan penamatan perkhidmatan plaintif jika dilihat dari sudut perkara 132 dan 135(2) Perlembagaan Persekutuan, memandangkan maksud para 11 penyata tuntutan; dan C

(c) jika dua isu di atas terjawab adakah wajar dan berkesan surat penamatan perkhidmatan bertarikh 7 Julai 2003 ke atas plaintif dalam mahkamah mempertimbangkan prayer (a), (b) dan (c) penyata tuntutan. D

[16] Setelah meneliti hujahan peguam persekutuan atas isu-isu yang mahkamah kemukakan tersebut, mahkamah bersetuju dan mendapati bahawa: E

Bagi isu pertama

[17] Status jawatan tetap yang ditawarkan kepada dan yang telah diterima oleh plaintif adalah bercanggah dengan peruntukan undang-undang (s 8 Akta Polis) dan jawatan tersebut tidak termasuk di bawah senarai perkhidmatan di bawah perkara 132 Perlembagaan Persekutuan; F

[18] Memandangkan jawatan konstabel tambahan melibatkan pelaksanaan kuasa-kuasa tertentu yang hanya bersandarkan Akta Polis (sub-s 3(3) dan (4) dan Bahagian VII Akta), maka untuk mengiktiraf plaintif sebagai pengkhidmat awam di bawah perkara 132 Perlembagaan Persekutuan, jawatan tersebut hendaklah diperuntukkan di bawah Akta Polis yang merupakan perkhidmatan yang diiktiraf oleh Perlembagaan di bawah perkara 132(1)(d) *'the police force'*; G H

[19] Justeru, oleh kerana tidak terdapat pindaan yang menambahkan senarai jawatan dan pangkat konstabel tambahan dalam Schedule Pertama (s 5(2) Akta) maka Skim Perkhidmatan Polis Tambahan JPA merupakan satu skim yang tidak berlandaskan mana-mana undang-undang; dan I

[20] Dengan itu mahkamah merasakan skim tersebut dan syarat-syarat yang diperuntukkan di dalamnya adalah tidak sah, batal dan tidak berkuat kuasa

kerana bercanggah dengan peruntukan s 8 yang sedia ada dan yang masih berkuatkuasa yang menetapkan bahawa jawatan polis tambahan adalah jawatan sementara (s 8(1)).

[21] Sehubungan itu, maka penamatan perkhidmatan plaintif juga mengikut syarat seperti di bawah s 8(3). Justeru, penamatan perkhidmatannya dengan satu bulan notis oleh Ketua Polis Perak (defendan pertama) adalah sah dan berkuat kuasa.

Bagi isu kedua

[22] Melalui para 11 penyata tuntutannya, plaintif mendakwa bahawa penamatan perkhidmatannya oleh defendan-defendan adalah tidak sah dan batal kerana plaintif tidak lagi tertakluk kepada s 8(3) Akta.

[23] Dakwaan plaintif ini tidak dapat dipertahankan di sisi undang-undang kerana jawatan baru itu sendiri merupakan satu jawatan yang bercanggah dengan undang-undang sedari mula (void ab initio). Maka dengan itu, skim perkhidmatan jawatan baru adalah satu skim perkhidmatan yang tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang.

[24] Lanjutan dari itu dan berdasarkan kedudukan undang-undang mantap, sekiranya tiada kontrak sedari mula, maka pihak-pihak akan kembali kepada posisi asal masing-masing, iaitu plaintif masih memegang jawatan konstabel tambahan, yang terma-terma pelantikan dan penamatannya adalah menurut s 8 Akta.

[25] Sehubungan dengan itu, apabila pihak defendan-defendan memilih untuk menamatkan perkhidmatan plaintif melalui notis satu bulan, maka penamatan itu tidak boleh disifatkan sebagai pembuangan kerja dan dengan itu perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan tidak terpakai kepada plaintif. Dalam hal ini autoriti dari kes Majlis Privy dalam kes *Government of Malaysia v Lionel* [1974] 1 MLJ 3 adalah relevan untuk menentukan perbezaan implikasi antara penamatan perkhidmatan dengan pembuangan kerja setelah dianalisa peruntukan-peruntukan Perlembagaan mengenai skim perkhidmatan. Ulasan Majlis Privy mengenai isu ini adalah seperti berikut:

> Under the laws of Malaysia a similar distinction between dismissal and termination of service appears to exist and in their Lordships opinion there is nothing in the Constitution which affects the right of the government to terminate the temporary employment in accordance with the terms of the engagement.

[26] Dalam kes kita ini, plaintif mencabar kesahan penamatan perkhidmatannya. Sandarannya ialah fakta bahawa beliau telah menerima jawatan baru dan telah pun disah dan bertaraf tetap, maka dengan itu beliau tidak boleh ditamatkan perkhidmatan di bawah s 8(3) Akta.

[27] Namun, mahkamah berpandangan bahawa dengan ketiadaan apa-apa perubahan undang-undang untuk menukar syarat-syarat perkhidmatan plaintif dalam aspek penamatan perkhidmatan, maka syarat-syarat penamatan konstabel tambahan seperti yang diperuntukkan dalam s 8(3) Akta Polis adalah masih terpakai.

[28] Sehubungan dengan itu kll 3.8–3.9 dan lima surat tawaran pelantikan tetap dalam P2 adalah merupakan klausa yang tiada mempunyai apa-apa kesan di sisi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan.

Bagi isu ketiga

[29] Prayer a, b dan c pernyataan tuntutan adalah berkaitan dengan perintah deklarasi dan ganti rugi.

[30] Deklarasi merupakan sesuatu yang sentiasa terletak kepada budi bicara mahkamah. Sungguhpun demikian, adalah merupakan prinsip undang-undang mantap bahawa budi bicara tersebut hendaklah dilaksanakan secara *judiciously and reasonably*.

[31] Dalam hal ini, memandangkan fakta-fakta dan kedudukan perundangan adalah jelas bahawa jawatan baru yang telah ditawarkan dan diterima oleh plaintif adalah bercanggah dengan undang-undang, maka tindakan ini bukanlah suatu yang 'fit and proper' untuk mahkamah melaksanakan budi bicaranya mengeluarkan perintah deklarasi seperti yang dipohon.

[32] Berkenaan ganti rugi, dengan sebab di atas, plaintif tidak layak untuk menuntut apa-apa ganti rugi. Ini adalah berdasarkan nas dari kes *Mamat bin Talib (Timbalan Ketua Polis, Johor) & Anor v Abdul Jalil bin Rashid* [2006] 2 MLJ 108; [2005] 4 CLJ 892 di mana pada perenggan 15 ms 115 (MLJ); 'e–f' ms 901 (CLJ), Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa:

There is one other point. The learned judge, apart from directing the assessment of emoluments, also directed damages to be assessed. That order is, with respect, wrong. In the case of public servant, an order of reinstatement at common law may be made. That has the effect of putting a plaintiff in the same position as he would have been had he not been dismissed. So he will get all his arrears of salary. But he is not entitled to damages in addition. That would be bad for double accounting.

KESIMPULAN

[33] Atas imbangan kebarangkalian, plaintif didapati telah ditawarkan dan telah menerima jawatan konstabel tambahan dalam Pasukan PDRM di bawah s 8 Akta Polis 1967 (Akta 344) walaupun surat tawaran tersebut (bertarikh 19 Ogos 1980) merujuk kepada s 9(1) Akta.

[34] Skim Perkhidmatan Konstabel Tambahan yang telah diluluskan oleh JPA, ditawarkan oleh Ketua Polis Negara dan diterima oleh plaintif adalah satu skim jawatan yang bercanggah dengan undang-undang sedari mula (void ab initio) tanpa pindaan dibuat pada Akta Polis. Dengan itu skim perkhidmatan tersebut adalah tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang. Berikutan itu, pengesahan jawatan dan pemberian taraf jawatan tetap dan berpencen dengan syarat-syarat perkhidmatannya dan pemecatannya kepada plaintif adalah turut tidak mempunyai apa-apa kesan dan tidak boleh dikuatkuasakan.

[35] Dengan itu, plaintif adalah kekal dari segi undang-undang sebagai konstabel tambahan yang bertaraf sementara (*temporary extra police*) sebagaimana maksud s 8 Akta sepanjang perkhidmatannya. Berikutan dari itu, mengikut sub-s 8(3) Akta, plaintif boleh ditamatkan perkhidmatannya dengan diberikan satu bulan notis. Justeru, surat penamatan perkhidmatan bertarikh 7 Julai 2003 yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Perak sebagai notis penamatan perkhidmatan plaintif adalah sah dan mengikut undang-undang serta berkuat kuasa sewajarnya.

[36] Berdasarkan dapatan seperti di atas, mahkamah mendapati pihak plaintif gagal membuktikan permohonan dan tuntutannya. Dengan itu relief-relief yang dipohon oleh plaintif ditolak dengan kos. Kos adalah atas dasar peguamcara anak guam menurut s 2 Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 (Akta 198).

Permohonan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Ibnu Aswan